

Soalan No: 46

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 25.10.2017

SOALAN :

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab pemimpin politik Pakatan Harapan seperti Ketua Menteri Pulau Pinang dilarang masuk ke sekolah kebangsaan tetapi SK Putrajaya Presint 14(1) boleh mengadakan program sokong UMNO bersama dengan YB Putrajaya pada 3 Oktober 2017. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap mereka yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai prosedur standard bagi penyertaan guru dan murid dalam program anjuran agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri, kehadiran orang kenamaan atau individu tertentu ke sekolah dan penggunaan premis atau kemudahan sekolah oleh pihak luar. Semua aktiviti tersebut memerlukan pihak berkenaan memohon kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pelajaran Negeri untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan warga sekolah serta menjamin keselamatan harta benda sekolah.

KPM juga sentiasa memastikan semua penjawat awam warga pendidikan memberi taat setia yang tidak berbelah bahagi pada setiap masa dan ketika kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan yang memerintah sebagaimana yang tercatat dalam Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/1999 telah menegaskan bahawa semua kakitangan dan pegawai perkhidmatan pendidikan dilarang terlibat dalam aktiviti anti-kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program yang dijalankan di SK Putrajaya Presint 14(1) merupakan program pertandingan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang bertemakan kemerdekaan dan bukan berunsur politik. Program bertujuan bagi melahirkan generasi Malaysia yang peka tentang sejarah perjuangan kemerdekaan dan pelaksanaan program itu juga adalah bersesuaian dengan tema pertandingan tersebut.

RJM04

## Soalan ( 47 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 OKTOBER 2017  
[ RABU ]

DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF  
RAWA  
[PARIT BUNTAR]

SOALAN :-

**YB DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah tindakan segera yang disediakan dan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menangani masalah banjir kilat khususnya di kawasan bandar.**

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa mengambil tindakan segera untuk menangani masalah banjir kilat khususnya di kawasan bandar dengan menyarankan kepada PBT agar mengambil langkah-langkah seperti berikut:

**I) Penyelesaian Segera / Jangka Pendek:**

- (a) Mengenal pasti kawasan iaitu parit, longkang, pemetung dan kolam takungan yang berisiko yang boleh menyebabkan kejadian banjir;
- (b) Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan parit, longkang dan kolam takungan bagi melancarkan aliran air dengan tindakan seperti:
  - (i) Membuang kekotoran atau longgokan sampah dalam parit atau *sump*;

- (ii) Memotong rumput di sepanjang sistem perparitan yang menyekat laluan air; dan
- (iii) Memperbaiki sistem perparitan, longkang dan pembedung yang rosak atau menaik taraf parit yang berisi padu rendah;

## **II) Penyelesaian Berterusan / Jangka Panjang:**

- (a) KPKT menyediakan peruntukan di bawah Program Pembangunan Projek BP.1 iaitu peruntukan kecil untuk PBT yang antara lain bertujuan untuk memperbaiki dan menaik taraf sistem perparitan.
- (b) Memantau dan memastikan pemaju projek pembangunan supaya sentiasa menyelenggara parit, longkang, pembedung dan kolam takungan serta menjaga kebersihan kawasan pembangunan; dan
- (c) Mewujudkan jaringan kerjasama dengan Jabatan/Agensi teknikal yang berkaitan seperti Perbadanan Pengurusan Sisa

Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Daerah dalam menangani isu berkaitan banjir.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017